

---

## KONSEP PERMUAFAKATAN

---

Permuafakatan berasal dari kata nama 'muafakat' merupakan perkataan keramat yang sering digabungkan menjadi ungkapan nasihat berbunyi 'muafakat membawa berkat'. Konsep permuafakatan menjelaskan tentang wujudnya semangat kerjasama, hormat menghormati dan saling bergantung antara ahli dalam sesuatu organisasi bagi menjuruskan ke arah memenuhi matlamat organisasi berkenaan dan seterusnya mencipta kejayaan sebagaimana yang diharapkan.

### Pengenalan

Deklarasi Persidangan Pendidikan Nasional pada 11 April, 1993 di Institut Aminuddin Baki, telah memperakukan:

- a) Penyuburan muafakat pada segenap peringkat strata sistem pendidikan negara, merangkumi seluruh personel pendidikan komuniti, pertubuhan dan ibubapa.
- b) Komited kepada pendekatan muafakat dan musyawarah dalam gerak kerja pendidikan serta sentiasa menganggap elemen-elemen di luar organisasi pendidikan sebagai 'strategic alliance'.



Gerakan permuafakatan bagi mengisi wawasan pendidikan sudah menampakkan hasilnya apabila banyak pihak turut terlibat di dalam menjayakan objektif dan program pendidikan negara.

Penglibatan pihak-pihak lain dalam pendidikan melalui program atau projek dan aktiviti yang telah dilaksanakan banyak memberi kefahaman kepada mereka tentang cita-cita dan masalah pendidikan setempat dan negara. Dengan komitmen yang lebih meluas dari pelbagai pihak di luar pendidikan, segala permasalahan dan cabaran dunia pendidikan akan dapat ditangani demi mencapai cita-cita yang sama.

Penglibatan aktif dan keprihatinan antara agensi pendidikan dengan organisasi masyarakat secara berkongsi fikiran, kerjasama dan koordinasi akan menjalin perhubungan dan interaksi yang baik bagi menjayakan gerakan permuafakatan dalam wilayah operasi dan wilayah pengaruh masing-masing.

## **Pelaksanaan Permuafakatan Di Sekolah Dan Implikasinya**

Selama ini konsep merapatkan sekolah dengan rumah adalah melalui PIBG. Tujuannya adalah supaya kedua-dua pihak dapat berhubung rapat. Pewujudan PIBG sebenarnya merupakan usaha untuk membina muafakat dalam



pendidikan. Pendidikan sebenar boleh diertikan sebagai suatu muafakat yang melibatkan seberapa banyak pihak yang mungkin. Ibu bapa, jiran tetangga dan semua yang bertembung dengan kanak-kanak atau pelajar-pelajar, turut menyertai proses pendidikan kanak-kanak itu.

Peranan permuafakatan ibu bapa dalam pendidikan setakat ini melibatkan aktiviti-aktiviti seperti gotong-royong, kempen mengutip derma dan mesyuarat agung PIBG. Dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, Perakuan 69, ia menyatakan "Dalam usaha untuk merapatkan hubungan di antara sekolah dengan masyarakat, adalah diperakukan supaya diperkemaskan lagi kegiatan-kegiatan PIBG agar tujuan-tujuan pertubuhan itu dapat dicapai dengan lebih memuaskan, dan ini termasuklah soal mewujudkan disiplin yang diingini dalam kalangan murid-murid".

Ini menunjukkan penubuhan PIBG dianggap cukup penting dan sepatutnya memainkan peranan yang lebih luas dan berkesan lagi. Sekiranya segala aktiviti dapat dirancang dan dilaksanakan dengan jayanya, maka diharapkan dapat:

- 1) mewujudkan persefahaman dan penyuburan muafakat antara sekolah dan ibu bapa ke arah mencapai kecemerlangan pendidikan.
- 2) memperolehi kesepakatan dalam membuat keputusan yang bersangkut paut dengan pendidikan supaya para pelajar dapat muafakat yang paling maksimum.



- 3) memberi peluang kepada ibu bapa dan guru membincang dan menyelesaikan masalah pendidikan melalui permuafakatan dan pembentukan pasukan.
- 4) mewujudkan suatu forum dan perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan para pelajar.
- 5) membantu dan menambah usaha institusi pendidikan dalam mengadakan kemudahan dan keperluan pendidikan.
- 6) membolehkan ibu bapa dan guru bertukar-tukar fikiran dan maklumat pendidikan.
- 7) memberi peluang kepada ibu bapa dan guru berunding di antara satu dengan lain tentang cara memperbaiki taraf pendidikan.
- 8) membantu mewujudkan perpaduan dalam kalangan pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat setempat ke arah mencapai matlamat perpaduan negara.
- 9) membantu mewujudkan perasaan cintakan negara, semangat kekitaan, muhibbah, toleransi dan bertanggungjawab dalam kalangan murid-murid, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat setempat.
- 10) membantu supaya sekolah, guru dan murid mendapat perlindungan daripada sebarang angkara yang tidak sihat.



Jika dipandang jauh ke hadapan, sumbangan komuniti terhadap kemajuan sekolah tidaklah seharusnya terhad daripada kumpulan atau persatuan semata-mata. Jika komuniti di sekeliling sekolah itu sedar dan tahu peranan mereka, maka banyak sumbangan secara individu boleh diberikan. Individu yang dimaksudkan tidak semestinya mempunyai anak di sekolah berkenaan. Individu-individu yang berpengaruh dalam komuniti seperti pemimpin komuniti, pemimpin politik, penghulu, imam dan sebagainya dapat memberi teladan dan nasihat kepada pelajar-pelajar di luar sekolah, nescaya akan dapat meringankan beban sekolah dan menambahkan keberkesanannya proses pendidikan.

Setiap individu dalam komuniti dapat juga menyumbangkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam membantu sekolah dalam bidang kurikulum dengan memberikan khidmat sukarela mereka dalam pelbagai bidang seperti mengajar seni silat, permainan tertentu seperti hoki dan lain-lain lagi.

Komuniti juga perlu membantu dalam mengadakan suasana yang sesuai dengan pembentukan perkembangan pelajar dengan menunjukkan sifat-sifat terpuji. Pelajar-pelajar akan dapat menghayati nilai-nilai yang baik di dalam dan juga di luar sekolah. Ini dapat mengelakkan timbulnya konflik nilai dalam diri pelajar itu.



Dahulu, guru dianggap sebagai penyampai pengetahuan dan pembimbing. Tetapi kini, ia lebih mencabar dengan tugas sebagai penasihat, pencipta, pengilham cita-cita, agen perubahan dan pembentuk moral. Oleh itu, masyarakat patut meletakkan taraf guru-guru yang membina minda dan diberikan galakan. Ini akan dapat meningkatkan prestasi guru dan menaikkan moral serta motivasi guru.

## Penutup

Agen-agen pendidikan seperti keluarga, sekolah, jiran tetangga dan komuniti banyak mempengaruhi proses pendidikan. Adalah wajib bagi semua pihak yang mempengaruhi perkembangan dan kemajuan anak-anak berganding bahu, mempunyai pandangan yang sama dan mencipta satu program yang komprehensif bagi perkembangan fizikal, mental, moral, emosi, sosial dan jiwa kanak-kanak. Oleh kerana kita hidup dalam masyarakat dinamik, budaya dinamik seharusnya dapat digambarkan dalam program-program pendidikan. Kejayaan akan tercapai sekiranya terdapat penyelarasan yang berkesan dalam kalangan agensi-agensi yang mempengaruhi kanak-kanak. Dengan itu, permuafakatan yang kuat di antara pendidik, ibu bapa, murid-murid dan masyarakat umumnya adalah amat penting dan akan memberi sumbangan berterusan ke arah merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara.



Secara operasionalnya, perpaduan harus dipupuk dalam semangat berpasukan yang merentasi segala perbezaan. Pengurusan dan proses membuat keputusan dijalankan secara muafakat atau musyawarah. Setiap orang harus dilibatkan supaya mereka merasakan bahawa mereka adalah penting dan merupakan '*part and parcel*' daripada kumpulan atau organisasi. Pengurusan secara penglibatan (*participation*) dapat membantu seseorang menghayati rasa sepunya (*ownership and sense of belonging*), dihargai dan dihormati. Mereka akan merasa bertanggungjawab ke atas setiap keputusan yang diambil dan komited untuk melaksana dan menjayakannya.

Oleh itu, kita patut mengkaji komuniti, gunakan komuniti, berkhidmat bersama untuk komuniti dan libatkan komuniti dalam proses-proses pendidikan.

